

Bacaan Pola Suku Kata Murid Disleksia dalam Bahasa Melayu

Reading Syllable Patterns of Dyslexic Students in Malay Language

NADIA SHUHADA ABDAN NASIR & VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM

ABSTRAK

Sesetengah kanak-kanak mendapati bahawa aktiviti membaca tidak semudah seperti kanak-kanak lain. Masih terdapat kanak-kanak berusia lebih 5 tahun masih tidak mampu membaca dan mengeja perkataan dengan suku kata mudah. Mereka mungkin mengalami ketidakupayaan atau gangguan pembelajaran khusus yang dikenali sebagai disleksia. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesalahan bacaan suku kata murid disleksia terhadap perkataan bahasa Melayu. Subjek kajian terdiri daripada empat orang murid disleksia daripada pusat disleksia D'Genius Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur yang mempunyai tahap sederhana bacaan bahasa Melayu. Data kajian dikutip menggunakan kaedah ujian bacaan, soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Alat kajian pula ialah pita rakaman, nota lapangan, borang soal selidik dan teks bacaan. Teks bacaan digunakan dalam ujian bacaan untuk mengenal pasti kesalahan bacaan. Perkataan yang tersenarai dalam teks bacaan dipilih mengikut kesesuaian tahap pembelajaran subjek kajian dan perkataan tersebut mempunyai 24 pola suku kata yang dirujuk daripada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Program Pemulihan Khas oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Hasil analisis daripada ujian bacaan mendapati bahawa subjek kajian mengalami kesukaran paling tinggi untuk mengeja perkataan yang mempunyai suku kata KVKK yang mengandungi konsonan bergabung /-ng/, diftong, vokal berganding dan digraf. Setiap kesilapan bacaan tersebut kemudian dianalisis kesalahannya berdasarkan Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994). Hasil analisis mendapati bahawa subjek kajian menepati ciri-ciri kesalahan bacaan Levinson (1994), iaitu kesalahan dari segi penguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan dan agakan/suka-suka kecuali pemeluwapan. Dalam pada itu, kajian ini juga mendapati dua kesalahan lain di luar lingkungan Teori Levinson (1994), iaitu kesalahan bacaan jenis pembahagian dan penyebutan.

Kata kunci: Disleksia; masalah bacaan; suku kata; teks bacaan; Teori Levinson

ABSTRACT

Some children find that reading is not as easy as for other children. There are still children over 5 years old who are still unable to read and spell words with simple syllables. They may have a disability or a specific learning disorder known as dyslexia. This study was conducted to identify dyslexic students' syllable reading mistakes against Malay words. The study subjects consisted of four dyslexic students from the D'Genius Dyslexia Center, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, who have a medium reading level of Malay. Research data was collected using reading test methods, questionnaires, interviews, and observations. The research tools are tape recordings, field notes, questionnaires, and reading text. Reading text are used in reading tests to identify reading errors. The words listed in the reading text are selected according to the learning level of the subjects, and the words have 24 syllable patterns, which are referred to the Malay Teaching and Learning Guidebook for the Special Rehabilitation Program by the Special Education Division, Ministry of Education Malaysia (2019). The results of the analysis from the reading test found that the study subjects had the highest difficulty in spelling words with CVCC syllables that contain the combined consonants /-ng/, diphthongs, paired vowels, and digraphs. Each reading error is then analyzed based on the Theory of Dyslexia Syndrome by Levinson (1994). The results of the analysis found that the study subjects conformed to the characteristics of Levinson's (1994) reading errors, namely removal, transfer, insertion, replacement, reversal, wild guesses, except for condensation. In the meantime, this study also found two other errors outside the scope of Levinson's Theory (1994), which are division and pronunciation-type reading errors.

Keywords: Dyslexia; reading problems; syllables; reading text; Levinson's Theory

PENGENALAN

Dalam aspek bacaan, asas literasi merupakan kemahiran yang diperlukan untuk membolehkan murid berkomunikasi dan berinteraksi. Menurut Clay (1991), perkembangan literasi seseorang bermula sejak lahir dan pengalaman di rumah menjadi asas kepada perkembangan literasi, seterusnya akan diperoleh secara formal di sekolah. Hal ini menunjukkan betapa penting tanggungjawab ibu bapa di rumah untuk mengukuhkan asas perkembangan awal kanak-kanak. Pendapat ini turut disokong oleh Beaty (2009) dan Lonigan (2006) bahawa penguasaan literasi kanak-kanak bermula sejak usia awal dan melalui proses perkembangan yang berterusan. Menurut Foorman dan Moats (2004); Lyon et al. (2004), tempoh usia kanak-kanak dari lahir hingga 8 tahun merupakan tempoh paling kritikal kerana mereka sedang mula mengembangkan kemahiran bahasa dan literasi awal yang menjadi faktor utama dalam peningkatan kemahiran membaca dan membina pengetahuan tentang dunia sekeliling mereka. Namun, berbeza dengan kanak-kanak disleksia, mereka tidak mampu membaca seawal umur tersebut (Soeisniwati 2012). Malah pada usia dewasa, mereka masih menghadapi masalah membaca. Hal ini disebabkan murid disleksia tidak mempunyai kemahiran membaca seperti kanak-kanak normal kerana pada umumnya, disleksia dikategorikan sebagai kecelaruan bahasa (Subramaniam & Kunasegran 2022).

Gangguan ini bukan disebabkan kecacatan fizikal seperti masalah pendengaran atau penglihatan, namun disebabkan oleh kecelaruan pada otak yang memproses dan mengolah maklumat yang sedang dibaca (Nadia 2019). Menurut Kunasegran dan Subramaniam (2021), tahap kesukaran literasi kanak-kanak disleksia bergantung kepada kebolehan menguasai fonetik dan fonologi, huruf dan kata serta ejaan. Keupayaan literasi mereka boleh dinilai melalui aktiviti membaca kata tunggal, mengeja, pemahaman membaca dan kepantasan membaca. Kunasegran dan Subramaniam (2021) turut menambah bahawa kemahiran literasi kanak-kanak disleksia dapat dilihat melalui ejaan. Mereka mempunyai masalah dalam membunyikan suku kata secara serentak semasa membaca kerana sukar untuk memadankan bunyi dengan simbol. Semasa membaca, kanak-kanak disleksia sukar membunyikan perkataan yang mempunyai banyak suku kata, lalu mereka akan menggugurkan suku kata tertentu dalam perkataan tersebut (Zaliza et al. 2014).

Walaupun terdapat sebahagian kanak-kanak disleksia mungkin dapat membaca, namun kecekapan membaca mereka adalah lebih rendah daripada tahap usia dan perkembangan minda bergantung pada individu (Walda et al. 2021). Penguasaan kemahiran membaca bagi kanak-kanak normal dapat dikenal pasti pada usia 6 atau 7 tahun. Walau bagaimanapun, kanak-kanak disleksia tidak mampu menunjukkan kemampuan membaca seawal umur tersebut (Soeisniwati 2012). Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa kanak-kanak disleksia mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi menghadapi kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca, menulis dan mengira. Nadia (2019) menerangkan bahawa sebelum murid mampu menguasai kemahiran menulis, mereka perlu berupaya untuk membaca terlebih dahulu. Jika masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia tidak ditangani maka mereka akan dianggap kurang cerdas di sekolah yang mementingkan prestasi dan ibu bapa juga akan menganggap anak-anak mereka menghadapi penyakit. Justeru, bakat istimewa yang dimiliki oleh kanak-kanak disleksia tidak dapat dicungkil dan terserlah.

PERNYATAAN MASALAH

Fletcher et al. (2007) menemukan sebahagian besar murid disleksia menghadapi masalah pengenalan suku kata dengan sukar memahami komponen fonologi. Subramaniam et al. (2022) berpendapat bahawa penguasaan bahasa seseorang bergantung kepada pemahaman mereka dalam aspek fonemik, fonetik dan fonologikal bahasa. Walau bagaimanapun, murid disleksia tidak dapat menyesuaikan bentuk huruf dengan bunyi huruf dengan betul. Malah, halangan ini menyebabkan penguasaan perbendaharaan kata mereka kurang memuaskan sehingga tahap berbahasa mereka tidak sejajar dengan tahap bahasa kanak-kanak normal. Selain itu, kajian Luh et al. (2018) turut menemukan bahawa murid disleksia sukar untuk memproses bunyi perkataan sehingga tidak mampu mengeja dan menyebut suku kata. Berbeza dengan kanak-kanak normal, mereka diajar dengan perkataan yang dimulakan dengan bunyi yang sama seperti mama, makan, mana, baju, bapa, bawa, baju dan kemudian mereka diajar bahawa perkataan tersebut bermula dengan huruf atau suku kata yang sama tetapi membawa maksud yang berbeza (Sofiah Hamid 1991).

Namun dalam penyelidikan Jan et al. (2011) mendapati bahawa kanak-kanak disleksia sukar untuk membaca perkataan yang mempunyai ejaan suku kata yang sama disebabkan kelemahan dalam morfologi serta gangguan visual dan auditori mereka. Perkara ini turut mendapat sokongan daripada Tamboer et al. (2014) dengan mengeluarkan kenyataan dalam penyelidikan mereka bahawa gangguan fonologi, visual dan auditori ialah faktor utama seseorang itu didiagnos sebagai disleksia. Hal ini menyebabkan kanak-kanak disleksia menghadapi kesukaran yang serius dalam memahami pola suku kata sehingga tidak mampu mengenal pasti struktur ejaan (Awada & Plana 2018). Masalah ini boleh menciptakan pola bacaan secara merangkak-rangkak sehingga menyebabkan mereka sukar untuk memahami makna ayat dalam bahan bacaan tersebut (Abdul Rasid Jamian 2011).

Oleh itu, sangat penting bagi kanak-kanak disleksia untuk menerima pembelajaran spesifik dalam fonologi kerana hubungan antara fonologi dengan bacaan saling berkait dan hal ini dapat meningkatkan keupayaan membaca kanak-kanak disleksia dengan lebih baik (Mather & Wendling 2012). Suarez-Coalla et al. (2016) juga bersetuju dengan pendapat tentang hubungan antara fonologi dengan bacaan mampu meningkatkan perkembangan ejaan kanak-kanak disleksia. Bertitik tolak daripada kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa masalah bacaan murid disleksia masih perlu dikaji dan diteliti dengan lebih lanjut supaya mereka dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Oleh itu, permasalahan ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang memfokuskan pola bacaan murid disleksia dalam bahasa Melayu.

SOROTAN KAJIAN TENTANG MASALAH DISLEKSIA

Iza Sazanita et al. (2019) menjalankan kajian tentang disleksia untuk mengenal pasti simptom disleksia dalam kalangan murid sekolah rendah menggunakan sistem pengesanan automatik berdasarkan tulisan tangan. Set data yang terpilih diimbangi oleh pengimbas untuk mendapatkan imbasan kualiti yang baik untuk set data templat. Set data mengandungi 8 huruf kecil dan nombor terpilih, iaitu b, c, f, p, 2, 5, 6 dan 7. Huruf dan nombor ini dipilih kerana angka ini ialah kesilapan yang paling biasa dilakukan oleh disleksia semasa menulis. Daripada dapatan data analisis tulisan tangan 30 sampel, kajian ini

mendapati bahawa terdapat simptom disgrafia dan diskalkulia. Hal ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk mengkaji dengan lebih lanjut dan rinci tentang masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak disleksia melalui aspek yang berbeza.

Kajian Subramaniam & Kunasegran (2019) menfokuskan simptom disleksia secara visual yang ditunjukkan oleh murid yang sah mempunyai disleksia. Kajian ini telah menghasilkan instrumen senarai semak disleksia visual yang umum dan dapat digunakan di sekolah, dalam usaha mengenal pasti kewujudan disleksia pada peringkat awal. Kajian ini berpendapat bahawa dengan penghasilan sebuah instrumen untuk mengenal pasti kewujudan masalah pembelajaran disleksia dalam kalangan kanak-kanak di sekolah, maka akan ada sebuah intervensi dalam proses pembelajaran untuk mengatasi masalah tersebut. Sejar dengan pendapat tersebut, perkara ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk membina satu intervensi baharu dalam mengatasi masalah pembelajaran murid disleksia.

Trubus dan Supra (2020) pula menjalankan kajian untuk menilai kriteria diagnostik disleksia berdasarkan simptom tingkah laku yang wujud pada kanak-kanak sekolah rendah yang mengalami kesukaran membaca dan menulis. Kriteria disleksia diukur berdasarkan kriteria yang terdapat dalam kategori tahap kesukaran pembelajaran khusus dalam DSM-5. Semua subjek dipilih kerana mengalami masalah pembelajaran berdasarkan keputusan pencapaian akademik yang tidak memuaskan. Kajian ini menjalankan ujian bacaan dan menulis terhadap subjek kajian dengan menggunakan bahan dari aspek kesedaran fonologi dan ortografik. Kajian ini merumuskan bahawa masih terdapat sebilangan kanak-kanak disleksia yang masih berada di sekolah harian biasa. Oleh itu, amat penting untuk membantu mengatasi kegagalan akademik kanak-kanak ini dengan mewujudkan intervensi yang sewajarnya untuk mereka. Kajian ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk mewujudkan intervensi baharu untuk kanak-kanak disleksia.

Berbeza pula kajian yang dijalankan oleh Nisrina et al. (2020) tentang pengenalan umum yang dihadapi oleh kanak-kanak yang menghadapi disleksia. Data kajian dikumpul daripada penelitian melalui pemerhatian, temu bual dan kajian kepustakaan. Kajian ini tidak mempunyai subjek kajian untuk dianalisis. Berdasarkan kaedah kajian secara kualitatif, hasil kajian ini menerangkan definisi, punca, ciri dan simptom disleksia secara umum sahaja. Kajian ini penting kepada masyarakat

yang ingin mengetahui secara umum tentang pengenalan asas disleksia. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji dalam penulisan dan penyelidikan yang dijalankan.

Iza Syahroni et al. (2021) mengkaji ciri-ciri disleksia secara umum yang terdapat pada kanak-kanak pada masa ini. Kajian ini menfokuskan kanak-kanak disleksia sekolah rendah tahap satu. Hasil kajian ini dapat menghuraikan definisi disleksia daripada pelbagai pandangan tokoh. Selain itu, kajian ini juga menerangkan ciri-ciri, punca, kategori, tahap serta kaedah pembelajaran disleksia secara umum melalui pelbagai sudut pandangan para penyelidik. Kajian ini memberikan manfaat kepada para pembaca untuk mengubah spekulasi negatif dan tidak memandang serong terhadap kanak-kanak disleksia, bahawa mereka bukanlah murid yang pemalas namun mengalami masalah pembelajaran spesifik. Kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan terhadap masalah pembelajaran disleksia.

Nazla Alkatiri dan Satiningsih (2021) pula mengkaji penerimaan sendiri dalam kalangan remaja disleksia. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan gambaran penerimaan sendiri dalam kalangan remaja disleksia dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan sendiri mereka. Keputusan kajian menunjukkan bahawa individu yang mengalami disleksia boleh menerima diri sendiri dengan yang baik atas faktor-faktor yang menyokong penerimaan sendiri seseorang itu, seperti kewujudan kefahaman terhadap diri sendiri, jangkaan yang realistik, tiada halangan dalam persekitaran, sikap masyarakat yang menyenangkan, tiada gangguan emosi, penyesuaian tingkah laku yang baik, perspektif diri yang luas, pengalaman bersama ibu bapa yang baik dan konsep sendiri yang stabil. Kajian ini membuka ruang kepada pengkaji untuk memahami kanak-kanak disleksia dengan lebih mendalam sepanjang menjalankan penyelidikan.

KAJIAN TENTANG MASALAH BACAAN DISLEKSIA

Seterusnya, Luh Budiani et al. (2018) menjalankan kajian tentang masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia. Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan jenis masalah bacaan perkataan yang dialami oleh murid disleksia, mengenal pasti

halangan di dalam bilik darjah yang menjadi punca murid tidak menguasai bacaan dan mengenal pasti usaha yang dijalankan oleh guru dalam menangani masalah tersebut. Kajian ini mendapati bahawa subjek kajian kurang mampu membaca (decode), mengeja perkataan (encode) dan bercakap (sintaksis) disebabkan faktor keturunan, persekitaran, cahaya yang menyebabkan sindrom irilen, kerosakan saraf dan artikulasi.

Di samping itu, kajian Fajriani dan Yulizar (2020) menggunakan Solution-Focused Brief Therapy (SFBT) sebagai kaedah dalam meningkatkan motivasi membaca murid disleksia. Kajian ini melibatkan 30 orang murid sekolah rendah yang berkemungkinan mengalami disleksia. Hasil kajian menunjukkan bahawa berlaku peningkatan markah motivasi membaca oleh murid kumpulan rawatan yang telah menggunakan intervensi SFBT selama enam sesi berbanding dengan murid kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai lompang dari aspek subjek kajian. Walaupun subjek kajian terdiri daripada kelompok murid yang berkemungkinan disleksia dan menjalani proses saringan melalui senarai semak, namun perkara ini tidak dapat disahkan secara tepat bahawa mereka didiagnos sebagai disleksia kerana subjek kajian tidak mendapat pengesahan daripada pihak perubatan. Oleh itu, kajian ini membuka ruang kepada pengkaji untuk memilih subjek kajian dalam penyelidikan dalam kalangan murid disleksia yang telah didiagnos sebagai disleksik di pusat disleksia terpilih.

Selain itu, kajian yang sama dilakukan oleh Abdul Aziz dan Wan Muna (2021) yang mengkaji masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia. Kajian ini meninjau strategi yang digunakan oleh guru bahasa Melayu di sekolah pedalaman dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia. Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Pemulihan Disleksia Devis yang menekankan tiga prosedur utama, iaitu penguasaan simbol, kaunseling orientasi dan latihan membaca. Seramai dua orang guru bahasa Melayu dari sekolah ini telah dipilih sebagai peserta kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa kedua-dua peserta menggunakan strategi berpusatkan guru dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia. Kajian ini merumuskan bahawa strategi yang digunakan oleh peserta kajian masih berada pada tahap sederhana dan perlu penambahbaikan.

Dalam pada itu, Elifatun Hanifah dan Yuliyati (2021) juga menjalankan kajian terhadap masalah bacaan kanak-kanak disleksia. Kajian ini menganalisis perbandingan antara aplikasi Lexipal dengan pelbagai permainan pendidikan yang lain sebagai medium pembelajaran untuk mengatasi masalah bacaan awal kanak-kanak disleksia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur dengan mengumpul data melalui 17 artikel yang diperolehi daripada Perpustakaan Nasional Indonesia dan laman sesawang seperti *SAGE*, *Science Direct*, *IEEE* dan *Google Scholar*. Data kemudian dianalisis secara deskriptif. Berdasarkan analisis terhadap 17 artikel terpilih, hasil kajian menunjukkan bahawa permainan pendidikan Lexipal memberikan impak kepada kebolehan membaca awal kanak-kanak disleksia, seperti kemampuan mengenal huruf dan sebutannya, membentuk suku kata, perkataan dan ayat mudah. Kajian ini merumuskan bahawa Lexipal sebagai media pembelajaran berasaskan permainan pendidikan boleh menjadi inovasi pembelajaran yang tepat kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran dalam era digital semasa. Hal ini kerana permainan pendidikan digital mampu mencipta pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Seterusnya, kajian Nur Syamira dan Harun (2021) berkaitan masalah murid disleksia dan gaya pengajaran guru dalam pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima masalah utama yang dihadapi oleh murid disleksia, iaitu masalah dalam kemahiran menulis, membaca perkataan yang sukar dan tidak dikenali, pengecaman bunyi huruf yang betul dan hampir sama, pengecaman bentuk huruf yang hampir sama dan berlaku penambahan huruf yang tidak perlu semasa menulis. Manakala gaya yang digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran ialah mementingkan kefahaman makna berbanding dengan menghafal kosakata, menggunakan kaedah '*fun learning*' seperti nyanyian, permainan dan aktiviti serta penggunaan gaya 'kerap bertanya'. Kajian ini merumuskan bahawa daripada tiga gaya pembelajaran tersebut, kaedah '*fun learning*' yang paling sesuai diterapkan dalam gaya pembelajaran murid disleksia kerana kaedah ini lebih menyeronokkan dan efektif.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara rinci proses sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha 2006). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk pengumpulan data dan data kajian tersebut dikira secara statistik seterusnya dipindahkan ke dalam bentuk jadual supaya data dapat dianalisis dengan lebih jelas dan rinci secara deskriptif.

SUBJEK KAJIAN

Sebanyak empat orang murid disleksia tahap sederhana berumur antara 6 hingga 16 tahun dipilih sebagai subjek kajian daripada sebuah pusat disleksia di Kuala Lumpur, iaitu Dyslexia Genius Malaysia, Taman Tun Dr. Ismail. Walaupun mempunyai perbezaan jarak umur yang ketara, namun subjek kajian mempunyai tahap bacaan bahasa Melayu yang sama, iaitu pada tahap sederhana dan mereka juga mempunyai pendedahan yang setara terhadap perkataan bahasa Melayu. Kriteria subjek kajian yang dipilih ialah mereka sudah mampu mengenal huruf dan bunyi huruf, boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu, dan biasa dengan bahan bacaan bahasa Melayu.

KAEDAH DAN ALAT KAJIAN

Data kajian dikutip menggunakan kaedah soal selidik, ujian bacaan, temu bual dan pemerhatian. Alat kajian pula ialah pita rakaman, nota lapangan, borang soal selidik dan teks bacaan. Teks bacaan digunakan dalam ujian bacaan dan teks tersebut mengandungi perkataan yang mempunyai 24 pola suku kata yang dirujuk daripada Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Program Pemulihan Khas oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Perkataan yang digunakan dalam teks bacaan dipilih berdasarkan tiga kriteria, iaitu (i) perkataan bermakna, (ii) perkataan yang pernah atau biasa didengari oleh subjek kajian, dan (iii) perkataan yang difahami maknanya oleh subjek kajian.

JADUAL 1. 24 pola suku kata bahasa Melayu bagi Program Pemulihan Khas


Kumpulan	Pola Suku Kata dalam Perkataan
1	Perkataan KV + KV
2	Perkataan V + KV
3	Perkataan KV + KV + KV
4	Perkataan KVK
5	Perkataan V + KVK
6	Perkataan KV + KVK
7	Perkataan KVK + KV
8	Perkataan KVK + KVK
9	Perkataan KV + KV + KVK
10	Perkataan KVK +KV+KVK
11	Perkataan KVKK
12	Perkataan KV + KVKK
13	Perkataan V + KVKK
14	Perkataan KVK + KVKK
15	Perkataan KVKK + KV
16	Perkataan KVKK + KVK
17	Perkataan KVKK + KVKK
18	Perkataan KV + KV + KVKK
19	Perkataan KV + KVK + KVKK
20	Perkataan KVK + KV + KVKK
21	Perkataan KVKK + KV + KVK
22	Perkataan KV + KVKK + KVK
23	Perkataan yang mengandungi diftong dan vokal berganding
24	Perkataan yang mengandungi huruf konsonan bergabung (digraf)

*Sumber: Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu bagi Program Pemulihan Khas oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019)

PROSEDUR MENGENAL PASTI POLA DALAM BACAAN MURID DISLEKSIA

Menurut Husniza dan Zulika (2018), vokal dan konsonan yang bermasalah kepada kanak-kanak

disleksia boleh dikenal pasti daripada aktiviti ejaan dan bacaan yang dijalankan. Cara yang sistematik boleh digunakan jika ingin mengenal pasti pola bacaan yang mereka lakukan. Oleh itu, penyelidik menggunakan langkah-langkah tersebut.



RAJAH 1. Langkah mengenal pasti pola bacaan murid disleksia.

Sifat penghidap disleksia ialah mereka mudah hilang fokus jika belajar dalam kumpulan yang ramai, dan cepat berasa bosan sekiranya melakukan perbuatan yang sama secara berulang. Oleh itu, ujian bacaan dijalankan secara perseorangan dan dilakukan sebanyak lima sesi bagi setiap subjek kajian. Lima sesi dijalankan untuk memastikan ketekalan pola suku kata yang dibaca oleh subjek kajian. Sekiranya ujian bacaan dijalankan hanya satu atau dua sesi, kebarangkalian mengesan kesilapan

dalam bacaan adalah tidak tepat. Hal ini kerana setiap subjek kajian akan membaca sesuatu perkataan itu dengan sebutan yang berlainan dalam sesi yang berbeza. Seterusnya, langkah 1 dan langkah 3 akan diulang untuk perkataan lain. Selepas selesai sesi ujian bacaan, penyelidik akan mendengar semula rakaman, meneliti kesilapan yang ditonjolkan oleh setiap murid dan membuat catatan. Data-data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994).

TEORI SINDROM DISLEKSIA OLEH LEVINSON (1994)

Menurut Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994), ciri-ciri bacaan bagi seorang disleksia dalam bacaan menunjukkan bahawa mereka tidak dapat mengimbangi daya ingatan huruf dan bunyi secara visual atau fonetik. Penetapan dan pengesanan mata terhadap huruf-huruf akan berlaku semasa mereka membaca. Namun, mata mereka tidak dapat mengimbas huruf, perkataan atau ayat yang berbeza sehingga menyebabkan mereka tidak dapat memahami bahan bacaan yang sedang dibaca. Hal ini kerana mereka melihat kedudukan huruf atau perkataan yang diimbas oleh mata pada bahan bacaan dalam keadaan bertaburan. Levinson (1994) menyenaraikan tujuh kesalahan yang dilakukan

oleh murid disleksia semasa membaca, iaitu (i) pengguguran, (ii) pemindahan, (iii) penyisipan, (iv) penggantian, (v) pembalikan, (vi) pemeluwapan, dan (vii) agakan/suka-suka.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan 24 kumpulan pola suku kata bahasa Melayu seperti dalam Jadual 1, kajian mendapati bahawa keempat-empat subjek kajian mengalami kesukaran membaca paling tinggi pada perkataan dalam empat kumpulan tersebut, iaitu (i) suku kata KVKK yang mempunyai konsonan bergabung /-ng/, (ii) diftong, (iii) vokal berganding, dan (iv) konsonan bergabung (digraf). Jadual di bawah merupakan perkataan yang paling kerap dibaca secara salah oleh subjek kajian dalam kelima-lima sesi.

JADUAL 2. Perkataan yang mengandungi suku kata KVKK

Jenis corak suku kata	Subjek	Perkataan	Kesalahan bacaan	Jenis kesalahan
KVKK /-ng/	S1	asing	asina	penggantian
		helang	helana	penggantian
	S2	longkang	lonkang	pengguguran
		pinggang	pinggan	pengguguran
	S3	asing	asin	pengguguran
		langsing	lansin	pengguguran
	S4	udang	uda	pengguguran
		longkang	longkan	pengguguran

*K = konsonan, V = vokal, S = subjek

Jadual 2 menunjukkan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa membaca perkataan yang mengandungi suku kata KVKK yang mempunyai konsonan bergabung /ng/. S1 membaca perkataan /asing/ sebagai /asina/. S1 telah menggantikan huruf /g/ kepada huruf /a/. S1 juga melakukan penggantian huruf yang sama pada perkataan /helang/ yang disebut sebagai /helana/. Hal ini menunjukkan bahawa S1 menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti bentuk huruf /g/ dengan betul kerana dia melihat huruf /g/ seakan-akan sama dengan bentuk huruf /a/. Persamaannya adalah pada kepala huruf tersebut. Kanak-kanak normal dapat melihat perbezaan huruf-huruf ini dengan cara melihat ekor yang ada pada huruf /g/. Walau bagaimanapun, perkara ini agak sukar bagi murid disleksia untuk mengenal pasti perbezaannya. Tambahan pula, S1 merupakan seorang disleksia jenis visual. Menurut Sariah (2000), murid disleksia kategori disleksia visual mengalami masalah untuk

mengenal dan mengingat huruf, terutama pada huruf-huruf berbentuk hampir sama.

Dalam pada itu, S2 membaca perkataan /longkang/ sebagai /lonkang/, manakala perkataan /pinggang/ sebagai /pinggan/. Jika diteliti pada kedua-dua perkataan ini, /longkang/ dan /pinggang/ mempunyai dua suku kata dan kedua-dua suku kata tersebut bercorak KVKK yang mengandungi konsonan bergabung /ng/. Melalui sebutan yang dibaca oleh S2 bagi kedua-dua perkataan itu, S2 hanya boleh menyebut konsonan bergabung /ng/ pada salah satu suku kata. S2 telah menggugurkan huruf /g/ pada suku kata pertama bagi perkataan /longkang/ manakala menggugurkan huruf /g/ pada suku kata kedua bagi perkataan /pinggang/. Hal ini menunjukkan bahawa S2 masih boleh membaca konsonan bergabung /ng/ bagi perkataan bercorak suku kata KVKK, namun S2 menjadi keliru sekiranya terdapat lebih daripada satu /ng/ dalam satu-satu perkataan.

S3 pula tidak mampu langsung membaca perkataan yang mengandungi konsonan bergabung /ng/. S3 membaca perkataan /asing/ sebagai /asin/, manakala perkataan /langsing/ dibaca sebagai /lansin/. S3 menggugurkan semua /g/ dalam perkataan tersebut. S3 seolah-olah mengabaikan kewujudan huruf /g/. Pengguguran huruf /g/ berlaku disebabkan S3 tidak boleh menyebut dua bunyi konsonan secara bergabung walaupun S3 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan. Sebagai contoh perkataan /asing/, S3 mengeja dengan menyebut satu persatu bunyi huruf /a-s-i-n-g/, namun apabila membaca bunyi tersebut secara serentak S3 akan menggugurkan bunyi huruf /g/. Perkara yang sama berlaku pada perkataan /langsing/.

Seterusnya, S4 pula membaca perkataan /udang/ sebagai /uda/, manakala perkataan /longkang/ sebagai /longkan/. S4 telah melakukan kesalahan bacaan jenis pengguguran. S4 menggugurkan konsonan bergabung /ng/ dalam perkataan /udang/, manakala menggugurkan huruf /g/ pada suku kata kedua dalam perkataan /longkang/. Walaupun perkataan /udang/ dibaca sebagai /uda/, namun kajian ini tidak boleh merumuskan bahawa S4 tidak mampu membaca konsonan bergabung /ng/. Hal ini kerana S4 masih boleh membaca konsonan bergabung /ng/ pada suku kata pertama dalam perkataan /longkang/. Punca berlakunya pengguguran dalam perkataan tertentu disebabkan murid disleksia mudah lupa kerana mereka mempunyai memori jangka pendek.

JADUAL 3. Perkataan yang mengandungi diftong

Jenis corak suku kata	Subjek	Perkataan	Kesalahan bacaan	Jenis kesalahan
diftong (ai, au, oi)	S1	pulau	puluwa	agakan/suka-suka
		tupai	tupagi	penyisipan
	S2	limau	lima	pengguguran
		kerbau	kerba	pengguguran
	S3	pulau	pulan	pembalikan
		misai	misa-i	pembahagian
	S4	kerbau	kerba	pengguguran
		harimau	harima	pengguguran

*S = subjek

Jadual 3 menunjukkan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa membaca perkataan yang mengandungi diftong. S1 membaca perkataan /pulau/ sebagai /puluwa/. Jenis kesalahan yang dilakukan ialah agakan/suka-suka. Kesalahan dari aspek agakan/suka-suka lebih cenderung terlihat apabila murid disleksia tidak tahu untuk membaca sesuatu huruf atau suku kata lalu mereka mengagak sahaja huruf atau suku kata dalam perkataan tersebut. Dalam erti kata lain, mereka suka-suka sahaja untuk menggugur, menyisip, atau menggantikan huruf atau suku kata dalam perkataan. Seperti perkataan /pulau/, S1 memindahkan kedudukan huruf /a/ dengan huruf /u/ pada suku kata kedua /-lau/ dan kemudian menyisipkan huruf /w/ di tengah kedua-dua huruf tersebut sehingga wujudnya perkataan baharu tidak bermakna /puluwa/. Seterusnya, bagi perkataan /tupai/ pula, S1 membacanya sebagai /tupagi/. Kesalahan yang dilakukan oleh S1 pada perkataan ini ialah penyisipan. S1 menyisipkan huruf /g/ pada suku kata kedua sehingga membentuk perkataan tidak bermakna yang baharu.

Seterusnya, S2 pula membaca perkataan /limau/ sebagai /lima/, manakala perkataan /kerbau/ dibaca sebagai /kerba/. S2 telah menggugurkan huruf /u/ pada kedua-dua perkataan. Pengguguran huruf /u/ berlaku disebabkan S2 tidak boleh menyebut suku kata diftong secara serentak walaupun S2 mengetahui setiap bunyi huruf-huruf dalam perkataan itu. Sebagai contoh perkataan /limau/, S2 mengeja dengan menyebut satu persatu bunyi huruf /l-i-m-a-u/, namun apabila membaca bunyi-bunyi tersebut secara serentak S2 akan menggugurkan bunyi huruf /u/. Kesilapan yang sama dilakukan pada perkataan /kerbau/.

Dalam pada itu, S3 membaca perkataan /pulau/ sebagai /pulan/. S3 telah melakukan kesalahan bacaan jenis pembalikan, iaitu dengan menterbalikkan huruf /u/ menjadi huruf /n/. Menurut Sariah (2000), pembalikan huruf berlaku apabila kanak-kanak disleksia tidak dapat membezakan huruf-huruf yang mempunyai bentuk hampir sama. Tambahannya lagi, mereka akan menulis atau membaca sesuatu huruf dalam bentuk *mirror image*. Kanak-kanak

normal dapat melihat perbezaan huruf-huruf ini dengan cara melihat bentuk terbuka pada kepala huruf /u/, manakala bentuk terbuka pada huruf /n/ pula adalah pada kakinya. Walau bagaimanapun, perkara ini agak sukar bagi murid disleksia untuk mengenal pasti perbezaannya. Tambahan pula, S3 merupakan murid disleksia jenis visual. Masalah visual yang dihadapi menyebabkan S3 melihat huruf /u/ secara terbalik, iaitu dengan *mirror image* dari bawah ke atas. Selain itu, S3 melakukan kesilapan semasa membaca perkataan /misai/ dengan membacanya sebagai /mi-sa-i/. Kesalahan bacaan yang dilakukan oleh S3 tidak terdapat dalam senarai kesalahan bacaan Teori Levinson (1994) kerana S3 menunjukkan kesalahan pembahagian suku kata dengan membahagikan suku kata melebihi jumlah suku kata asal perkataan tersebut. Perkataan /mi-sai/ mempunyai dua suku kata, namun S3

membahagikan perkataan tersebut kepada tiga suku kata menjadi /mi-sa-i/. Pembahagian suku kata ini berlaku disebabkan S3 keliru dengan jumlah suku kata dalam perkataan /misai/.

Disamping itu, S4 pula membaca perkataan /kerbau/ sebagai /kerba/, manakala perkataan /harimau/ dibaca sebagai /harima/. S4 telah menggugurkan huruf /u/ pada kedua-dua perkataan. Pengguguran huruf /u/ berlaku disebabkan S4 tidak boleh menyebut suku kata diftong secara serentak walaupun S4 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan itu. Sebagai contoh perkataan /kerbau/, S4 mengeja dengan menyebut satu persatu bunyi huruf /k-e-r-b-a-u/, namun apabila membaca bunyi tersebut secara serentak S4 akan menggugurkan bunyi huruf /u/. Kesilapan yang sama dilakukan pada perkataan /harimau/.

JADUAL 4. Perkataan yang mengandungi vokal berganding

Jenis corak suku kata	Subjek	Perkataan	Kesalahan bacaan	Jenis kesalahan
Vokal berganding (aa, au, ai, ia, iu, io, ua, ui)	S1	daun	danu	pembalikan
		buaya	buya	pengguguran
	S2	daun	da-un	penyebutan
		buaya	bu-a-ya	penyebutan
	S3	tuala	tula	pengguguran
		piano	pino	pengguguran
	S4	saat	sata	pemindahan
		kuih	kuhi	pemindahan

*S = subjek

Jadual 4 menunjukkan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa membaca perkataan yang mengandungi vokal berganding. S1 membaca perkataan /daun/ sebagai /danu/. S1 telah melakukan kesilapan bacaan jenis pembalikan. Bagi kanak-kanak normal, melihat perbezaan huruf yang mempunyai bentuk hampir adalah mudah, iaitu dengan cara melihat bentuk terbuka pada kepala huruf /u/, manakala bentuk terbuka pada huruf /n/ pula adalah pada kakinya. Walau bagaimanapun, perkara ini agak sulit bagi murid disleksia untuk mengenal pasti perbezaannya. S1 merupakan murid disleksia jenis visual dan masalah visual yang dihadapi ini menyebabkan S1 melihat huruf /u/ dan huruf /n/ secara terbalik. Pembalikan *mirror image* huruf /u/ ialah dari bawah ke atas, manakala pembalikan *mirror image* huruf /n/ pula ialah dari atas ke bawah. Oleh itu, S1 mengalami kekeliruan untuk mengecam huruf /u/ dan huruf /n/ dengan betul. Selain itu, S1 juga telah melakukan kesilapan bacaan bagi perkataan /buaya/ dibaca sebagai /

buya/. S1 telah menggugurkan /a/ dalam perkataan tersebut.

Selain itu, S2 pula melakukan kesilapan semasa membaca perkataan /daun/ dan /buaya/. Kesalahan bacaan yang dilakukan oleh S2 bagi kedua-dua perkataan ini tidak terdapat dalam senarai kesalahan bacaan Teori Levinson (1994) kerana S2 menunjukkan kesalahan penyebutan dengan membunyikan setiap huruf dalam perkataan tersebut secara berasingan. Sebagai contoh perkataan /daun/ dibaca sebagai /da-un/ bukan /da^wun/, manakala perkataan /buaya/ dibaca sebagai /bu-a-ya/ bukan /bu^waya/. S2 tidak menyebut bunyi /w/ dan /y/ senyap dalam bacaannya. Perkara ini berlaku disebabkan S2 terbiasa dengan kaedah ejaan secara fonik maka S2 membaca dengan mengeja setiap bunyi huruf kemudian menggabungkan bunyi tersebut secara satu persatu.

Dalam pada itu, S3 membaca perkataan /tuala/ sebagai /tula/ manakala perkataan /piano/ dibaca sebagai /pino/. S3 telah menggugurkan huruf /a/ pada

kedua-dua perkataan. Pengguguran huruf /a/ berlaku disebabkan S3 tidak boleh menyebut suku kata yang mempunyai vokal berganding secara serentak walaupun S3 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan itu. Sebagai contoh perkataan /tuala/, S3 mengeja dengan menyebut satu persatu bunyi huruf /t-u- a-l-a/, namun apabila membaca bunyi tersebut secara serentak S3 akan menggugurkan bunyi huruf /a/. Kesilapan yang sama dilakukan pada perkataan /piano/.

Seterusnya, S4 pula membaca perkataan /saat/ sebagai /sata/ dan perkataan /kuih/ dibaca sebagai /kuhi/. S4 telah melakukan pemindahan huruf pada suku kata kedua bagi kedua-dua perkataan

tersebut. Pemindahan huruf /a/ dan huruf /t/ bagi perkataan /saat/, manakala pemindahan huruf /i/ dan huruf /h/ pada perkataan /kuih/. Pemindahan huruf pada suku kata kedua berlaku disebabkan S4 tidak boleh menyebut suku kata yang mempunyai vokal berganding secara serentak walaupun S4 boleh mengeja setiap suku kata dalam perkataan itu. Sebagai contoh perkataan /saat/, S4 mampu mengeja suku kata satu persatu seperti /sa-at/, namun apabila membaca kedua-dua suku kata secara serentak S4 akan memindahkan kedudukan huruf pada suku kata kedua. Kesilapan yang sama dilakukan pada perkataan /kuih/.

JADUAL 5. Perkataan yang mengandungi digraf

Jenis corak suku kata	Subjek	Perkataan	Kesalahan bacaan	Jenis kesalahan
Digraf (kh, gh, ng, ny, sy)	S1	ngaji	nagaji	penyisipan
		syabas	siyabas	penyisipan
	S2	ngaji	naji	pengguguran
		monyet	moyet	pengguguran
	S3	monyet	monet	pengguguran
		penyu	penu	pengguguran
	S4	ngaji	neri	agakan/suka-suka
		nyanyi	nani	pengguguran

*S = subjek

Jadual 5 menunjukkan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa membaca perkataan yang mengandungi digraf. S1 membaca perkataan /ngaji/ sebagai /nagaji/, manakala perkataan /syabas/ sebagai /siyabas/. S1 telah melakukan kesalahan jenis penyisipan bagi kedua-dua perkataan tersebut. S1 telah menyisipkan huruf /a/ pada suku kata pertama bagi perkataan /ngaji/ dan menyisipkan huruf /i/ pada suku kata pertama bagi perkataan /syabas/. Penyisipan huruf-huruf ini disebabkan S1 tidak mampu mengeja dua huruf konsonan secara berturut yang mewakili satu bunyi seperti /ng/ pada perkataan /ngaji/ dan /sy/ pada perkataan /syabas/. Walaupun S1 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan itu dan mengejanya dengan menyebut satu persatu bunyi huruf seperti /n-g-a-j-i/, namun S1 tidak mampu menggabungkan bunyi konsonan /n-g/ menjadi satu bunyi maka S1 menyisipkan huruf /a/ di tengah huruf tersebut. Kesilapan yang sama dilakukan pada suku kata pertama bagi perkataan /syabas/ iaitu menyisipkan huruf /i/ di tengah /s-y/.

Disamping itu, S2 pula membaca perkataan /ngaji/ sebagai /naji/ dan perkataan /monyet/ dibaca sebagai /moyet/. S2 telah melakukan kesalahan jenis

pengguguran bagi kedua-dua perkataan tersebut. S2 telah menggugurkan huruf /g/ pada suku kata pertama bagi perkataan /ngaji/ dan menggugurkan huruf /n/ pada suku kata kedua bagi perkataan /monyet/. Pengguguran huruf-huruf ini disebabkan S2 tidak mampu mengeja dua huruf konsonan secara berturut yang mewakili satu bunyi seperti /ng/ pada perkataan /ngaji/ dan /ny/ pada perkataan /monyet/. Walaupun S2 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan itu dan mengejanya dengan menyebut satu persatu bunyi huruf seperti /n-g-a-j-i/, namun S2 tidak mampu menggabungkan bunyi konsonan /n-g/ menjadi satu bunyi maka S2 menggugurkan huruf /g/. Kesilapan yang sama dilakukan pada suku kata kedua bagi perkataan /monyet/, S2 menggugurkan huruf /n/.

Selain itu, S3 juga melakukan kesalahan jenis pengguguran semasa membaca perkataan yang mengandungi digraf. S3 membaca perkataan /monyet/ sebagai /monet/, manakala perkataan /penyu/ dibaca sebagai /penu/. S3 telah menggugurkan huruf /y/ pada suku kata kedua bagi kedua-dua perkataan tersebut. Pengguguran huruf /y/ disebabkan S3 tidak mampu mengeja dua huruf konsonan secara berturut yang mewakili satu bunyi

seperti /ny/ dalam perkataan /monyet/ dan /penyu/. Walaupun S3 mengetahui setiap bunyi huruf dalam perkataan itu dan mengejanya dengan menyebut satu persatu bunyi huruf seperti /m-o-n-y-e-t/, namun S3 tidak mampu menggabungkan bunyi konsonan /n-y/ menjadi satu bunyi maka S3 menggugurkan huruf /y/. Kesilapan yang sama dilakukan pada perkataan /penyu/.

Dalam pada itu, S4 membaca perkataan /ngaji/ sebagai /neri/. Jenis kesalahan yang dilakukan ialah agakan/suka-suka. Kesalahan dari aspek agakan/suka-suka lebih cenderung terlihat apabila murid disleksia tidak tahu untuk membaca sesuatu huruf atau suku kata lalu mereka mengagak sahaja huruf atau suku kata dalam perkataan tersebut. Seperti perkataan /ngaji/, S4 suka- suka menggugurkan separuh huruf dalam perkataan tersebut, iaitu huruf /g/, /a/ dan /j/ dan suka- suka menggantikannya dengan huruf baharu iaitu huruf /e/ dan huruf /i/ sehingga mewujudkan perkataan baharu yang tidak bermakna. Seterusnya, bagi perkataan /nyanyi/ pula S4 membacanya sebagai /nani/. Kesalahan yang dilakukan oleh S4 pada perkataan ini ialah pengguguran. S4 telah menggugurkan huruf /y/ pada kedua-dua suku kata. Hal ini kerana S4 tidak mampu mengeja dua huruf konsonan secara berturut yang mewakili satu bunyi seperti /ny/.

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa subjek kajian hanya menepati enam jenis kesalahan bacaan daripada tujuh kesalahan yang tersenarai dalam Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994), iaitu (i) pengguguran, (ii) pemindahan, (iii) penyisipan, (iv) penggantian, (v) pembalikan, dan (vi) agakan/suka-suka kecuali pemeluwapan. Menurut Subramaniam et al. (2022), jenis kesalahan bacaan pemeluwapan tidak berlaku dalam bacaan bahasa Melayu. Dalam pada itu, analisis kajian mendapati bahawa terdapat dua kesalahan bacaan yang di luar senarai Levinson (1994), iaitu kesalahan pembahagian suku kata dan kesalahan penyebutan.

Kesalahan pembahagian suku kata berlaku disebabkan murid disleksia keliru terhadap jumlah suku kata dalam sesuatu perkataan, dan kesalahan ini paling kerap berlaku semasa murid disleksia membaca perkataan yang mengandungi suku kata diftong. Sebagai contoh perkataan /mi- sai/ mempunyai dua suku kata, namun murid disleksia membahagikan perkataan tersebut kepada tiga suku kata menjadi /mi-sa-i/. Seterusnya, kesalahan

bacaan dari segi penyebutan pula paling kerap berlaku semasa murid disleksia membaca perkataan yang mengandungi suku kata vokal berganding. Hal ini disebabkan murid disleksia sudah terbiasa dengan kaedah ejaan secara fonik maka mereka mengeja dengan membunyikan setiap huruf secara berasingan dan menggabungkan bunyi tersebut dalam satu-satu suku kata. Sebagai contoh perkataan /buaya/ dibaca sebagai /bu-a- ya/ bukan /bu-wa-ya/. Situasi ini menjejaskan kemahiran membaca murid disleksia, bukan sahaja melambatkan proses bacaan malah murid disleksia cenderung mewujudkan perkataan-perkataan baharu yang tidak bermakna. Sekiranya terlalu banyak perkataan tidak bermakna dicipta oleh murid disleksia, maka mereka tidak akan memahami makna kandungan sesuatu teks bacaan dan perkara ini akan menjejaskan akademik mereka di sekolah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, subjek kajian menepati ciri-ciri kesalahan bacaan Teori Sindrom Disleksia oleh Levinson (1994), iaitu kesalahan dari segi pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan, dan agakan/suka-suka kecuali pemeluwapan. Seterusnya, kajian ini juga mendapati dua kesalahan yang lain di luar teori Levinson (1994), iaitu kesalahan bacaan jenis pembahagian dan penyebutan. Dapat disimpulkan bahawa masalah bacaan murid disleksia masih perlu diteliti dengan lebih lanjut supaya mereka dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik. Oleh itu, sangat penting bagi ibu bapa dan para guru mempunyai kesedaran untuk mewujudkan kaedah pembelajaran strategik dan membangunkan intervensi secara efektif dalam meningkatkan keupayaan kemahiran membaca kanak-kanak disleksia dengan lebih baik. Dalam pada itu, penyelidikan yang lebih rinci dalam bidang ini juga diperlukan agar murid disleksia tidak tercieir dalam bidang akademik kerana mereka juga layak menerima pembelajaran spesifik seperti kanak-kanak lain.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Busri & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. Strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia di sekolah rendah pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 618-627.
- Abdul Rasid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-12.

- Awada, G. & Plana, M.G. 2018. Multiple strategies approach and EFL reading comprehension of learners with dyslexia: Teachers' perceptions, *International Journal of Instruction* 11(3): 463-476.
- Beaty, J.J. 2009. *50 Early Childhood Literacy Strategies* (2nd ed.). Pearson Education.
- Clay, M.M. 1991. Introducing a new storybook to young readers. *The Reading Teacher* 45(4): 264-265.
- Elifatun Hanifah & Yuliyati. 2021. *Lexipal di antara permainan edukatif pada kemampuan membaca permulaan anak disleksia*. Disertasi ijazah sarjana muda, Universitas Negeri Surabaya.
- Fajriani & Yulizar. 2020. Solution-focused brief therapy (SFBT) untuk meningkatkan motivasi membaca murid disleksia. *Jurnal Bimbingan dan Konseling* 10(1): 28-40.
- Fletcher J.M., Lyon, G.R., Fuchs, L.S. & Barnes, M.A. 2007. *Learning disabilities: From identification to intervention*. Guilford.
- Foorman, B.R. & Moats, L.C. 2004. Conditions for sustaining research-based practices in early reading instruction. *Sage Journals* 25(1): 51-60.
- Husniza Husni & Zulikha Jamaludin. 2018. *Masalah pembacaan kanak-kanak disleksia: Bagaimana teknologi boleh membantu?*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Iza Sazanita Isa, Wan Nurazwin Syazwani Rahimi, Siti Azura Ramlan, & Siti Noraini Sulaiman. 2019. Automated detection of dyslexia symptom based on handwriting image for primary school children. *Procedia Computer Science* 163 440-449.
- Iza Syahroni, Wasilatur Rofiqoh & Eva Latipah. 2021. Ciri-ciri disleksia pada anak usia dini. *Jurnal Buah Hati* 8(1): 62-77.
- Jan, G.L., Bouquin-Jeannes, R.L., Costet, N., Troles, N., Scalart, P., Pichancourt, D., Faucon, G. & Gombert, J.E. 2011. Multivariate predictive model for dyslexia diagnosis. *Annals of Dyslexia* 61(1): 1-20.
- Kunasegran, K. & Subramaniam, V. 2021. Literasi dalam pembelajaran kanak-kanak disleksia. *Buletin Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Levinson, H.N. 1994. *A solution to the riddle dyslexia*. Springer-Verlag.
- Lonigan, C.J. 2006. Development, assessment, and promotion of pre-literacy skills. *Early Education and Development* 17(1) 91-114.
- Luh Budiani, Aain Marhaeni & Ida Bagus Putrayasa. 2018. Kesulitan membaca kata anak disleksia usia 7-12 tahun di sekolah SDN 1 Sangsit Kecamatan Sawan Kabupaten Buleleng Bali. *Jurnal Pendidikan Dasar Indonesia* 2(2): 84-89.
- Lyon, G.R., Fletcher, J.M., Torgesen, J.K., Shaywitz, S. E. & Chhabra, V. 2004. Preventing and remediating reading failure: A response to Allington. *Educational Leadership* 61(6): 86-88.
- Mather, N. & Wendling, B. 2012. *Essentials of dyslexia assessment and intervention*. John Wiley & Sons, Inc.
- Nadia Shuhada Abdan Nasir. 2019. Pembalikan huruf dalam kalangan murid disleksia. Disertasi sarjana, Univesiti Putra Malaysia.
- Nazla Alkatiri & Satiningsih. 2021. Self acceptance pada remaja dengan disleksia. *Jurnal Penelitian Psikologi* 8(1): 144-152.
- Nisrina Haifa, Ahmad Mulyadiprana & Resa Respati. 2020. Pengenalan anak pengidap disleksia. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar* 7(2): 21-32.
- Nur Syamira Mohamad Nor & Harun Baharudin. 2021. Masalah murid disleksia dan gaya pengajaran guru dalam pembelajaran bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(2): 26-44.
- Sabitha Marican. 2006. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall.
- Sariah Amirin. 2000. *My lexicsTM: Edisi bahasa Malaysia modul 1-modul 10*. Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Soeisniwati Lidwina. 2012. Disleksia berpengaruh pada kemampuan membaca dan menulis. *Jurnal Stie Semarang* 4(3): 9-18.
- Sofiah Hamid. 1991. *Pendidikan dalam Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suarez-Coalla, P., Villanueva, N., Gonzalez-Pumariega, S. & Gonzalez-Nosti, M. 2016. Spelling difficulties in Spanish-speaking children with dyslexia. *Journal for the Study of Education and Development* 39(2): 275-311.
- Subramaniam, V. & Kunasegran, K. 2019. Simptom disleksia visual vs. tahap pembelajaran kanak-kanak disleksia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 20: 140-155.
- Subramaniam, V. & Kunasegran, K. 2022. Kemahiran membaca murid disleksia dalam literasi bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 22(2): 329-346.
- Subramaniam, V., Puteri Roslina Abd Wahid, Normaliza Abd Rahim & Kunasegran, K. 2022. Kesalahan bacaan dalam bahasa Melayu oleh murid disleksia berdasarkan perspektif teori Levinson. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum* 30(2): 743-759.
- Tamboer, P., Vorst, H.C.M. & Oort, F.J. 2014. Five describing factors of dyslexia. *Journal of Learning Disabilities* 64(5): 1-18.
- Trubus Rahrjo & Supra Wimbarti. 2020. Assessment of learning difficulties in the category of children with dyslexia. *Jurnal Konseling dan Pendidikan* 8(2): 79-85.
- Walda, S., Weerdenburg, M.V., Ven, A.V.D. & Bosman, A. 2021. Literacy progress in children with dyslexia and the role of attention. *Reading & Writing Quarterly Journal* 38(1): 19-32.
- Zaliza Zubir, Mahfuzah Md Daud & Ahmad Hifzurrahman. 2014. *Disleksia dalam aspek ejaan bacaan bahasa Melayu*. UniMAP Library Digital Repository.

Nadia Shuhada Abdan Nasir
 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
 Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
 ieyanadia8194@gmail.com

Vijayaletchumy Subramaniam
 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
 Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor
 vletchumy@upm.edu.my